

# Takaful *myMortgage*



## *Sepintas Lalu:*

- ✓ Tiada proses pengunderaitan
- ✓ Tidak perlu pemeriksaan kesihatan
- ✓ Terbuka kepada semua penjawat awam yang berumur 18-65 tahun
- ✓ Perlindungan asas dan tambahan
- ✓ Pulangan tunai 15% jika tiada tuntutan
- ✓ Tiada pembaharuan diperlukan



TAKAFULmalaysia



**Takaful myMortgage** - Pelan komprehensif dua dalam satu, iaitu:

- **Takaful Gadaijanji** - perlindungan di atas baki pinjaman rumah akibat kematian atau keilatan menyeluruh dan kekal dengan manfaat tambahan Upah Haji\*.
- **Takaful Pemilik Rumah Kediaman Jangka Panjang** - melindungi kerugian akibat kemusnahan kediaman atau bangunan.

### Skop Perlindungan

Takaful Gadaijanji	Takaful Pemilik Rumah Kediaman Jangka Panjang
<ul style="list-style-type: none"><li>• Manfaat kematian</li><li>• Manfaat keilatan menyeluruh dan kekal sebelum berumur 65 tahun</li><li>• Manfaat perbelanjaan pengebumian sebanyak RM1,000</li><li>• Manfaat tambahan Upah Haji* sebanyak RM2,500 apabila berlaku kematian atau keilatan menyeluruh dan kekal</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kebakaran, kilat, petir dan letupan domestik</li><li>• Kerosakan akibat kemalangan pesawat</li><li>• Hentaman oleh kenderaan atau haiwan</li><li>• Pecahan atau limpahan air daripada tangki rumah, paip atau peralatan</li><li>• Kecurian akibat dipecah masuk</li><li>• Puting beliung, siklon, taufan, ribut angin dan banjir</li><li>• Gempa bumi dan letupan gunung berapi</li><li>• Tanggungan terhadap pihak ketiga sehingga RM50,000</li><li>• Kehilangan sewa sehingga 10% daripada jumlah perlindungan rumah</li></ul>

### Caruman yang perlu dibayar tertakluk kepada:

Takaful Gadaijanji	Takaful Pemilik Rumah Kediaman Jangka Panjang
<ul style="list-style-type: none"><li>• Jumlah perlindungan permulaan</li><li>• Tempoh perlindungan (5-30 tahun) atau sehingga umur matang 90 tahun</li><li>• Tempoh interim (tanggunghan)</li><li>• Jantina</li><li>• Umur (tarikh lahir terdekat)</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Jumlah perlindungan</li><li>• Tempoh perlindungan (5-30 tahun)</li><li>• Jenis kediaman</li><li>• Kelas binaan</li></ul>

\* Hanya untuk jumlah perlindungan permulaan RM75,000 dan ke atas.

# Upah Haji

## Apakah Upah Haji?

Upah Haji merujuk kepada satu aturan yang dibuat dengan mendapatkan pihak ketiga untuk mengerjakan Haji bagi pihak peserta Muslim apabila berlaku kematian atau keilangan menyeluruh dan kekal ke atas peserta tersebut, yang mana wajib baginya untuk mengerjakannya dan telah berniat untuk mengerjakannya.

## Hukum Upah Haji

Islam menyuruh sesiapa yang mempunyai halangan untuk melaksanakan Haji seperti keilangan menyeluruh dan kekal dan kematian, harus mengupah wakil untuk mengerjakan Haji bagi pihak dirinya.

Abdullah bin Abbas meriwayatkan bahawa seorang wanita dari Khas'am datang menemui Nabi S.A.W. dan berkata: "Wahai Rasulullah! Di antara amalan-amalan yang difardukan oleh Allah ke atas hamba-Nya ialah Haji yang dikenakan ke atas bapa saya yang sudah tua dan tidak mampu menaiki kenderaan untuk melakukannya, bolehkah saya berhaji untuknya?" Jawab Rasulullah S.A.W.: "Ya!" (Riwayat Bukhari dan Muslim).


## Manfaat Tambahan Upah Haji

Takaful Malaysia mengambil inisiatif ini untuk membantu peserta menyempurnakan Rukun Islam Kelima apabila berlaku kematian atau keilangan menyeluruh dan kekal dengan manfaat tambahan Upah Haji sebanyak RM2,500 sekiranya peserta mempunyai jumlah perlindungan permulaan RM75,000 dan ke atas.



## Nota Penting:

- Anda mesti memberitahu semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu dengan lengkap dan benar, jika tidak, ia akan menyebabkan pembatalan kontrak.
- Pembayaran caruman adalah dibayar sekaligus ketika permohonan sijil dilakukan.
- Anda hendaklah memastikan bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dengan sebaik-baiknya dan caruman yang dibayar di bawah pelan ini adalah jumlah yang mampu anda bayar.
- Maklumat produk dalam risalah ini telah diringkaskan dan tidak menyeluruh. Anda dinasihati agar merujuk kepada helaian penerangan produk dan dokumen-dokumen sijil untuk penerangan terperinci, termasuk yang dinyatakan di dalam risalah ini.



## Kita Perlu Berbincang...

### Syarikat Takaful Malaysia Berhad (131646-K)

Pusat Perniagaan Perbendaharaan,  
Aras 1, Blok Selatan, Perbendaharaan 2,  
Kompleks Kementerian Kewangan,  
No. 7, Persiaran Perdana Presint 2,  
62592 Putrajaya, Malaysia.  
Tel 03-8890 3588 Faks 03-8890 3599



1-300 8 TAKAFUL (825 2385)



[takaful-malaysia.com.my](http://takaful-malaysia.com.my)



[csu@takaful-malaysia.com.my](mailto:csu@takaful-malaysia.com.my)



Syarikat Takaful Malaysia Berhad

*Syarikat Takaful Malaysia Berhad adalah sebuah syarikat berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.*